

KeKKWa tadbir premis sejarah

Bangunan Sultan Abdul Samad dibaik pulih bagi memulihara khazanah tanah air

B-4 10/12/07 MIS 25

Oleh Mohamed Farid Noh

KUALA LUMPUR: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) akan berpindah ke Bangunan Sultan Abdul Samad di sini, tahun depan, selepas kerja baik pulih membabitkan RM35 juta selesai.

Menterinya, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata antara kerja baik pulih yang dijalankan termasuk pengukuhan struktur bangunan, kerja pengubahsuaian dalaman dan pemuliharaan bangunan warisan itu.

"Kementerian diberikan hak un-

tuk mentadbir dan menjadi penjaga utama keseluruhan kompleks bersejarah termasuk bangunan mahkamah di Jalan Raja, Muzium Sejarah dan Bangunan Persekutuan yang meliputi kawasan seluas kira-kira lima ekar (dua hektar) di tengah bandar raya.

"Kita akan pastikan kompleks bersejarah ini dipelihara selama-lamanya dan tidak akan membenarkan sama sekali sebarang pengubahan atau penambahan terhadap struktur asalnya sampai bila-bila supaya ia terus menjadi tatapan generasi muda masa depan," katanya selepas me-

FAKTA NOMBOR

Bangunan Sultan Abdul Samad

RM35j

Kos baik pulih

114

Tahun usia bangunan

lancarkan Pesta Masakan Warisan 2007 di Dataran Merdeka, di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan *Berita Harian*, Selasa lalu, mengenai keadaan bangunan bekas Mahkamah Majistret dan Sesyen di Jalan Raja di sini, yang sebelum ini menjadi lambang kedaulatan undang-undang serta ikon bandar raya kerana keindahan seni binanya kini menjadi sarang penagih dadah kerana tidak diuruskan dengan baik sehingga menyebabkan sebahagian daripada kubahnya sudah rosak.

Menurut laporan itu, bangunan

berusia 114 tahun yang sudah dikosongkan apabila Kompleks Mahkamah di Jalan Duta dibuka, dipenuhi sampah sarap sementara tingkap dan pintu dipecahkan selain dindingnya diconteng dengan pelbagai perkataan yang tidak elok.

Sementara itu, Rais berkata, 72 masakan tradisional pelbagai kaum yang hampir pupus akan diwartakan sebagai warisan kebangsaan.

Katanya, kajian Jabatan Warisan Negara mendapati masakan itu semakin pupus di telan zaman kerana generasi muda tidak berminat mengetahui mengenainya.